

Faktor DAP sukarkan kerjasama PAS-PPBM

Ahmad Fadhi Shaari

Seperti diketahui umum, PPBM cuba menyatukan PAS dan DAP dalam pakatan pembangkang untuk menjatuhkan Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) nanti. Malah, DAP yang dianggap anti-Islam oleh PAS ada dalam pakatan ini, begitu juga Parti Amanah Negara yang tidak sehaluan dengan parti ini, turut berada dalam pakatan berkenaan. Bolehkah PAS bekerjasama dengan mereka?

Pertama perlu dijelaskan bahawa kerjasama yang dimaksudkan antara PPBM dan PAS masih dalam peringkat perbincangan awal. Tiada kata putus bersifat hitam putih dalam memuktamadkan kerjasama ini. Dalam PAS, isu kerjasama antara parti hanya boleh diputuskan oleh Majlis Syura Ulama. Namun, secara jelas tidak ada sebarang kerjasama antara PAS dengan DAP dan Parti Amanah Negara dalam apa jua ikatan. Saya sangat optimis kerjasama yang bakal terbentuk dengan PAS akan mengahili kira realiti ini. Sebenarnya persefahaman politik boleh dibentuk tidak semestinya dalam satu ikatan atau pakatan rasmi seperti yang pernah terjadi antara PAS, PKR dan DAP pada 2008 iaitu ketika masih belum terbentuk pakatan dalam menghadapi Pilihan Raya Umum ke-12.

S: Hubungan antara PAS dan DAP sangat kritikal sehingga Ketua Ahli Parlimen DAP, Lim Kit Siang, mahu menyaman Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, kerana mendakwa DAP anti-Islam. Abdul Hadi juga berkata PAS menutup terus pintu kerjasama dengan DAP. Dengan krisis seperti ini, bolehkah kedua-dua parti ini berbaik semula semata-mata untuk menghadapi PRU-14?

Hubungan yang kritikal di antara kedua-dua parti ini bukanlah disebabkan oleh ketentangan pimpinan DAP untuk menyaman Presiden PAS. Tetapi ia sudah bermula sejak DAP begitu langsung membantah pendirian PAS untuk memperkasakan Mahkamah Syariah melalui Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1995 (BUU 355). Jika sebelum ini DAP sendiri setuju dengan prinsip *qiyas to disagree* untuk menghadapi musuh politik yang sama, tetapi selepas pilihan raya umum ke-13, krisis itu bertukar kepada *totally disagree*.

sama sekali tidak bersetuju. Dengan perkembangan ini, kita amat yakin peluang untuk kedua-dua parti ini kembali bersama dalam satu ikatan adalah sangat tipis dan hubungan ini tentu tidak akan diterima oleh akar umbi pemegang dan ahli PAS.

S: Umum melihat Tun Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi PPBM kini sanggup bekerjasama dengan DAP yang mahu ketika dulu adalah musuh utamanya semata-mata untuk menumbangkan BN dalam pilihan raya akan datang. Jadi bolehkah PAS bekerjasama dengan PPBM yang diketahui sudah bersekongkol dengan DAP?

Kami Pemuda PAS melihat bahawa ada perbezaan di antara Dr Mahathir dengan kepimpinan PPBM yang lain. Kenyataan Dr Mahathir yang menyerang PAS lebih dilihat sebagai kenyataan peribadi dan tidak mencerminkan pendirian parti. Ia dibuktikan dengan pimpinan parti itu yang lain tidak mengambil pendirian untuk menyerang PAS seperti yang dilakukan oleh Dr Mahathir. Justeru, kita melihat ada ruang kerjasama yang boleh diberikan kedua-dua parti ini. Berbeza dengan DAP, serangan terhadap PAS dilancarkan bertalu-talu bermula daripada pimpinan atasan sehingga kepada pimpinan parti itu pada peringkat bawah.

Dalam isu PPBM yang dikatakan bersekongkol dengan DAP, sehingga ini parti itu masih belum mengesahkan keanggotaan dalam pakatan harapan seperti PKR dan Parti Amanah Negara. Ini membuka ruang kepada perkembangan baharu yang akan mencorakkan landskap politik khususnya di blok pembangkang di dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

S: Rabu lalu, PAS dan PPBM di katakana bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Bersama bagi mengendalikankan tindakan susulan beberapa keputusan yang bakal dipersetujui kedua-dua parti. Mengapa PAS perlu berada dalam jawatankuasa ini sedangkan PPBM diketahui rapat dengan DAP dan PAS pula tidak akan bekerjasama dengan DAP?

Sebagai yang dinyatakan sebelum ini, PPBM belum mengesahkan keanggotaan dalam Pakatan Harapan. Secara peribadi saya mengharapkan supaya PPBM

bersikap realistik dalam menentukan siapakah sasaran pengundi yang mahu ditarik oleh mereka. Jika sekiranya mereka menyasarkan pengundi Melayu, maka bekerjasama dengan DAP tidak akan menguntungkan mereka sama sekali.

Perkembangan ini sedang dipantau oleh PAS, justeru perundingan yang berlaku antara PAS dan PPBM tentu mengambil kira prinsip PAS untuk tidak bekerjasama dengan parti yang mempunyai hubungan dengan DAP dan Parti Amanah Negara. Apapun ia terpujang kepada Majlis Syura Ulama PAS yang akan membuat keputusan rasmi selepas melihat dan mengkaji dari pelbagai senario.

S: Apakah kerjasama yang dijanjikan akan meliputi keseluruhan kawasan pilihan raya, termasuk di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) di semua negeri yang membabitkan calon PAS dan PPBM atau kerjasama ini hanya berlaku di beberapa negeri sahaja?

Mana-mana parti pun yang ingin bertanding pada pilihan raya, harus bersifat realistik. Adalah mustahil untuk PAS dan PPBM untuk bertanding di semua kerusi Parlimen di negara ini. Oleh yang demikian, perundingan dan persefahaman yang dibentuk antara kedua-dua parti ini sudah tentu hanya meliputi kerusi yang akan ditandingi kedua-dua parti itu. Pada masa sama, kita tidak menolak kemungkinan berlaku tiga penjurua sekiranya parti pembangkang lain mengambil keputusan untuk bertanding di kerusi yang diperuntukkan kepada PAS sebelum ini.

S: Bagaimana pula di Kelantan, adakah PAS akan bekerjasama dengan PPBM dan mungkin juga Parti Amanah Negara bagi menumbangkan BN?

Sejarah pilihan raya di Kelantan menunjukkan mana-mana parti yang berjaya bekerjasama dengan parti serpihan pihak lawan mempunyai peluang cerah untuk menawan negeri ini. Ini yang berlaku pada 1978 ketika UMNO bekerjasama dengan BEK JASA menumpaskan kerajaan PAS. Begitu juga pada 1990 apabila PAS berjaya bekerjasama dengan parti serpihan UMNO iaitu Semangat 46 dan berjaya membentuk kerajaan negeri. Pada pilihan raya umum akan datang, sekiranya PAS berjaya membentuk persefahaman dengan PPBM, saya optimis Kelantan akan kekal

di tangan PAS.

Ini ditambah lagi hakikat bahawa UMNO hampir mustahil untuk bekerjasama dengan Parti Amanah Negara walaupun kita mempunyai maklumat bahawa ada persefahaman tidak rasmi antara kedua-dua parti itu untuk menumbangkan kerajaan PAS di Kelantan. Berhubung kemungkinan PAS akan bekerjasama dengan Parti Amanah Negara untuk menawan UMNO, ia sama sekali tidak akan berlaku.

S: Sekiranya kerjasama ini terjalin, adakah PAS sekali lagi akan jadi 'pengikut' dan PPBM yang menjadi tuannya?

PAS tidak pernah menjadi pengikut dalam mana-mana pakatan khususnya dalam menghadapi dua pilihan raya umum yang terakhir. Di Perak, PAS berjaya mendapat posisi Menteri Besar sekalipun hanya menang enam kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 2008.

Jadi tidak timbul isu bahawa PAS akan menjadi pengikut dan parti lain menjadi tuan kerana dasar PAS ialah hanya akan bekerjasama selagi ia tidak menjejaskan prinsip asal parti iaitu tidak bertentangan dengan al-Quran dan sunnah. Sekiranya prinsip ini tidak dirai oleh rakan dalam satu pakatan, maka PAS tidak teragak-agak untuk berundur bagi memelihara keaslian perjuangan parti ini.

PPBM lemah, terdesak untuk hadapi PRU-14



Dr Ainul Adzelle Hassan

S: Kenapa PPBM mahu bekerjasama dengan PAS?

Saya melihat PPBM sangat terdesak untuk bekerjasama dengan PAS selepas menyadari parti itu dalam keadaan lemah untuk menghadapi PRU-14. Tiada apa keistimewaan yang ada berbanding parti pembangkang lain seperti DAP dan PKR. Parti itu semakin risau apabila melihat hubungan 'intim' antara PAS dengan UMNO bermula apabila Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said mengemukakan usul untuk Peraturan Mesyuarat 14(1) supaya Rang Undang-undang (RUU) Persendirian mengenai Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2016 dibentangkan di Dewan Rakyat pada 26 Mei tahun lalu.

Ini diikuti Abdul Hadi bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak membentuk kesepakatan untuk menegakan keadilan Myaram terhadap etnik Rohingya dan berkecuali pentas di Stadium Tinjauwang, Kuala Lumpur pada 4 Disember lalu. Mahu atau tidak PPBM perlu bekerjasama dengan PAS sebelum Himpunan Rang Undang-undang (RUU) Akta 355, anjakan PAS pada 18 Februari ini bagi menghalang 'kemusnahan' UMNO dan PAS.

S: Jika gagal bekerjasama sebelum 18 Februari?

Saya pasti PPBM akan terus memujuk PAS untuk bekerjasama sebelum tarikh itu dan jika gagal, ia akan menyukarkan kesepakatan untuk membentuk blok pembangkang menghadapi PRU-14. PAS mahu menegakkan undang-undang Islam dan membela saudara seagama, yang de-

ngan sendirinya kerjasama berterusan dengan UMNO tidak mustahil membolehkan parti itu kembali ke pangkuan Barisan Nasional (BN) seperti pernah berlaku pada 1973 ketika Datuk Mohd Auri Muda menjadi Presiden PAS. Fakta ini amat dipertimbangkan oleh PPBM, malah DAP, PKR dan Parti Amanah Negara. Namun, saya berpendapat sendainya kerjasama tidak dapat dijalankan, PPBM tetap bertanding pada PRU-14, tetapi dalam keadaan 'tidak bermaya' dan selepas itu akan terkubur.

S: Dr yakin PPBM boleh memujuk PAS untuk bekerjasama?

Mustahil. Sekarang pun kita lihat PAS meletakkan syarat bahawa kerjasama berkenaan hanya akan terlaksana sekiranya PPBM yang dipengerusikan Tun Dr Mahathir Mohamad sanggup melupakan hubungan dengan DAP dan Parti Amanah Negara. Percayalah, PPBM tidak akan berpisah dengan DAP dan Parti Amanah Negara, mahupun PKR kerana mereka mahukan gabungan yang kuat selepas Pakatan Rakyat berkubur berikutan keputusan bijak PAS meninggalkan rakan kerjasama rapuh itu. PPBM bukan saja tidak memiliki kekuatan, malah terkal-kiat untuk mencari penyokong.

Ini terbukti apabila majlis B30 menaghat dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Simpang Besar dan Kuala Kangsar walaupun Dr Mahathir turut pulang membantu calon Parti Amanah Negara, PAS sekiranya boleh bertukar tanpa PPBM. Hanya PPBM yang terdesak mahu bekerjasama. PAS sudah lama beragak di negara ini, manakala parti pimpinan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Mu-

hyidin Yusoff selaku Presiden itu telah mada. Buk kata *pagaraga bo no amon' bul in a day* (Batu akan dibongkarkan dalam satu hari).

S: Kalau PAS bersetuju bergabung pula?

Kalau ini berlaku, bermakna parti itu melanggar prinsipnya untuk menegakkan undang-undang Islam. Sebelum ini Dr Mahathir dilihat merestui pemimpin DAP menjadi Timbalan Perdana Menteri. Apabila menjadi kenyataan, usaha parti itu menperkasakan undang-undang Islam perlu diupayakan. Ketika Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, usul mengenai undang-undang hudud tidak pernah dibicarakan di Parlimen. Malah, bekas Pengerusi DAP, Karpal Singh dilaporkan pernah mengemukakan kenyataan jika PAS mahu laksana hukum hudud, tangkah mayat beliau terlebih dahulu.

S: Bagaimana pula laluan untuk persefahaman kedua-dua parti?

Mesyuarat antara Timbalan Presiden PAS, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man dan Timbalan Presiden PPBM, Datuk Seri Mahathir Mahathir tidak mencap apa-apa persetujuan. Ia masih sa mar untuk memperhalusi deraf rangka kerjasama persefahaman politik PAS-PPBM dalam menghadapi PRU-14 dan ini diakui Tuan Ibrahim sendiri. Malah Setiausaha Agung DAP, Lam Guan Eng, berkecuali dengan perkara itu kerana secara peribadi tidak menerima maklumat berhubung perkara itu. Selepas ini, DAP akan bertemu PPBM untuk mendapat maklumat berhubung isu itu berkenaan dan saya rasa parti itu akan menghalangnya. Tahapul siyasi (kerjasama politik) antara kedua-dua parti tidak kerana PPBM pun mahukan undi Cina

S: Bagaimana pula persiapan PPBM sekiranya berlaku Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah?

Saya rasa di Sabah, PPBM tidak akan bekerjasama dengan PAS kerana tiada kepentingan, apatah lagi PAS juga agak sukar mendapat undi di negeri yang menjadi 'smpangan tetap' BN itu. Parti itu juga tidak akan bertanding di Sabah, sebaliknya akan membantah kempen Parti Warisan Sabah (Warisan) yang diketuai bekas Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Shafiqe Agdal yang juga rakan seperjuangan Muhyiddin. Jika ada PRN Sabah, PPBM akan menjadi lebih lemah kerana PAS dapat melihat bersetuan dan pernyangan sebelum parti itu, sam ada membantah mereka atau menyebelahi Warisan.



Secara peribadi saya mengharapkan supaya PPBM bersikap realistik dalam menentukan siapakah sasaran pengundi yang mahu ditarik oleh mereka. Jika sekiranya mereka mensasarkan pengundi Melayu, maka bekerjasama dengan DAP tidak akan menguntungkan mereka sama sekali"

Ahmad Fadhi Shaari, Ketua Dewan Pemuda PAS Kelantan



Percayalah, PPBM tidak akan berpisah dengan DAP dan Parti Amanah Negara, mahupun PKR kerana mereka mahukan gabungan yang kuat selepas Pakatan Rakyat berkubur berikutan keputusan bijak PAS meninggalkan rakan kerjasama rapuh itu"

Dr Ainul Adzelle Hassan, Penganalisis Politik dari UKM